

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

## **Apakah yang Batu-Batu dalam Tulisan Suci Ajarkan Elder Wong Tentang Perancangan, Persiapan dan Ketahanan**

**Penguasa Umum Tujuh Puluh berucap kepada pelajar BYU-I pada pertemuan rohani 27 April**



Gambar oleh Pixabay.com.Semua hak terpelihara.

*Cerita ini muncul atas budi bahasa [TheChurchNews.com](http://TheChurchNews.com). Bukan untuk kegunaan media lain.  
Oleh Megan McKellar, [Berita Gereja](#)*

Dalam pertemuan rohani BYU-Idaho pada hari Selasa, 27 April, Elder [Chi Hong \(Sam\) Wong](#), seorang Penguasa Umum Tujuh Puluh, berkongsi tiga kisah tulisan suci yang berpusat pada batu-batu yang telah mengajarnya asas-asas perancangan, persiapan dan ketahanan.

### **Saudara Lelaki Yared**

Dalam Kitab Mormon, saudara lelaki Yared membina kapal-kapal tongkang menurut arahan Tuhan untuk bangsanya menyeberangi lautan. Dalam proses itu, dia menghadapi dua cabaran utama: bagaimana untuk mendapat udara dan mendapat cahaya.



Saudara lelaki Yared melihat tangan Tuhan menyentuh batu-batu yang dia telah persiapkan. 2021 oleh Intellectual Reserve, Inc. Hak cipta terpelihara. Muat Turun Gambar

Setelah meminta bimbingan daripada Tuhan, Tuhan menjawab salah satu soalan itu, tetapi ketika saudara lelaki Yared mengajukan soalan kedua, Tuhan cuba “membantu saudara lelaki Yared untuk lebih berdikari dalam mengenal pasti jalan penyelesaian” dan menanyakan saudara lelaki Yared: “Apakah yang kamu inginkan agar Aku harus sediakan untukmu agar kamu boleh mempunyai cahaya apabila kamu ditelan ke dalam laut” ([Eter 2:25](#)).



Elder Chi Hong (Sam) Wong, seorang Penguasa Umum Tujuh Puluh, berbicara kepada para pelajar semasa pertemuan rohani BYU-Idaho pada hari Selasa, 27 April 2021. Gambar adalah tangkapan skrin dari siaran, milik Berita Gereja. Hak cipta terpelihara.

Setelah dia meleburkan 16 batu kecil lutsinar, saudara lelaki Yared “berseru lagi kepada Tuhan” dan meminta Tuhan untuk menyentuh batu-batu itu dengan jari-Nya dan persiapkan batu-batu itu agar ia dapat bersinar di dalam kegelapan.

Elder Wong membandingkan cerita itu dengan pengalaman merancang dan berikhtiar untuk masa depan.

“Sama ada dalam usaha pendidikan anda, atau keputusan kerjaya, Tuhan dapat memberi anda bimbingan. Dia sangat berminat dengan perjalanan yang Anda ambil ke negeri yang dijanjikan,” Elder Wong mengajar. “Seperti saudara lelaki Yared meminta bantuan Tuhan untuk menerangi batu-batu itu, tidakkah Dia juga dapat memberi anda cahaya untuk bersinar dalam kegelapan keraguan?”

## Daud dan Goliat



Elder Chi Hong (Sam) Wong berucap tentang Daud dan Goliat semasa pertemuan rohani BYU-Idaho pada hari Selasa, 27 April 2021.2021 oleh Intellectual Reserve, Inc. Hak cipta terpelihara. Muat Turun Gambar

Untuk bersedia melawan Goliat, Daud mencari lima batu halus dan memasukkannya ke dalam begnya.

“Itu bukanlah pertempuran yang lama kerana Daud dapat membunuh Goliat dengan hanya satu batu,” Elder Wong menceritakan. “Jika Daud tahu Tuhan ada di sisinya dan hanya satu batu diperlukan, mengapa dia bersusah-payah memilih lima batu halus?”

Elder Wong menjelaskan kepentingan bersedia untuk masa depan.

“Kita mungkin tidak dapat mengubah semua yang akan datang, tetapi kita dapat memilih bagaimana kita bersedia untuk apa yang akan datang. ... Anda mencari pendidikan anda untuk belajar, untuk lebih melengkapkan diri bagi kerjaya masa depan anda yang tidak menentu dan kehidupan masa depan yang belum diketahui,” katanya.

### **‘Batu Sang Penebus Kita’**

Batu terakhir yang Elder Wong sebutkan adalah “gembala yang baik, dan batu Israel. Dia yang membangun di atas batu ini tidak akan pernah jatuh” ([Ajaran & Perjanjian 50:44](#)).

Dalam Perjanjian Baru, Juruselamat mengajar para pengikut-Nya dengan kisah “orang bijak dan orang bodoh” ([Matius 7:24-27](#)). Satu-satunya perbezaan mereka dan situasi mereka adalah landasan di mana mereka membina rumah mereka.



"Di mana landasan kita berada benar-benar penting, dan ini mempunyai kesan yang menentukan hasilnya sekarang dan untuk keabadian," kata Elder Wong.

Elder Wong mendorong para pendengar untuk "mempertimbangkan 22 batu ini" semasa merancang masa depan: "Enam belas batu perancangan, seperti saudara lelaki Yared. Lima batu persiapan seperti yang dibuktikan oleh Daud. Batu yang paling penting, batu landasan kita, batu kita, Juruselamat kita Yesus Kristus."



Arca-arca Kristus dan para Rasul dipamerkan di Pusat Pelawat Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir di Rome, Itali, pada hari Ahad, 13 Januari 2019. Gambar oleh Ravell Call, milik Berita Gereja. Hak cipta 2020 Syarikat Penerbitan Deseret News.

Semasa ucapannya, Sister Carol Wong memberi kesaksian tentang kuasa [persidangan umum](#). "Adakah anda sedar bahawa semua ajaran yang disampaikan dalam lima pertemuan itu adalah yang terbaik untuk masa kita, terutama untuk enam bulan ke depan dalam hidup kita?" dia bertanya.

Sekadar duduk di dalam sesi adalah tidak cukup, "menyukai petikan indah dari ucapan yang disiarkan di media sosial," juga tidak cukup.



Sister Carol Wong memberi ucapan kepada para pelajar semasa pertemuan rohani BYU-Idaho pada hari Selasa, 27 April 2021. Gambar adalah tangkapan skrin dari siaran, milik Berita Gereja. Hak cipta terpelihara.

“Anda perlu merancang untuk mengkaji ucapan-ucapan itu bagi diri anda dan menerapkan apa yang anda telah pelajari ke dalam hidup anda,” katanya.

Dia kemudian berkongsi rancangan kajian persidangan umumnya sendiri. Sister Wong mulakan dengan menghabiskan bulan pertama setelah persidangan dengan membaca setiap ucapan. Kemudian, selama lima bulan berikutnya, dia mengkaji satu sesi setiap bulan.

“Saya melakukan gabungan membaca dan mendengar dalam bahasa Cina dan Inggeris untuk memahami dengan lebih baik,” jelasnya.

Dia mengungkapkan kesyukuran atas kasih seperti Kristus para pemimpin Gereja [ada] dan kesaksiannya adalah mereka “benar-benar dipanggil Tuhan untuk menjadi pembimbing kita di jalan menuju kembali kepada Bapa Syurgawi kita yang terkasih dan Putera Tunggal-Nya, Juruselamat kita, Yesus Kristus.”

*Hak Cipta 2021 Syarikat Penerbitan Deseret News*